

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/1969**

=====

**PINDAAN CUKAI TANAH DI BAWAH SEKSYEN 101
KANUN TANAH NEGARA**

Bersama ini saya sertakan satu salinan Arahan dalam perkara tersebut di atas yang telah dihantar kepada Pencetak Kerajaan untuk di istiharkan dalam Warta Kerajaan sebelum 22hb Disember 1969.

2. Jadual pertama kepada Arahan ini adalah sama seperti Jadual Pertama kepada Bil. (41) dlm.PTG.Sel 0.223 yang telah dihantar kepada tuan bersama-sama dengan Pekeliling Pesuruhjaya Tanah dan Galian Selangor Bil 3/1969 bertarikh 25hb November 1969.

3. Jadual kedua kepada Arahan ini yang **akan di pakai** adalah berbeza dengan jadual kepada Bil.(41) dlm.PTG.Sel.0.223 itu yang **tidak di pakai lagi**.

4. Saya juga menarik perhatian tuan kepada tafsiran-tafsiran yang terkandung di perenggan 5 dalam Arahan ini, yang terpaksa difahami dengan jelasnya pada masa menjalankan pindaan cukai itu.

5. Tafsiran di perenggan 5 dalam Arahan ini dan Jadual Kedua kepada Arahan ini akan, saya rasa, menyenangkan sedikit tuan menjalankan tugas dalam perkara pengecualian tanah-tanah daripada pindaan cukai. Oleh itu pedoman yang saya beri di perenggan 5 dalam Bil.(43)dlm.PTG.Sel.0.223 Pekelilingan Pesuruhjaya Tanah dan Galian Selangor Bil.3/1969 tidaklah ada apa-apa guna lagi dan bolehlah di sifatkan sebagai di batalkan.

T.T
(RAJA SHAH KOBAT BIN RAJA HAMZAH)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.SEL.0.223(SJ.3) (15)

KUALA LUMPUR
17HB DESEMBER 1969